



Be Original.

Untuk Siaran Segera

## **SOLUSI DAN EKOSISTEM ‘REMOTE LIFE’ BAHARU SHARP SEDIA MELONJAKKAN MOMENTUM EKONOMI**

*Penyelesaian Elektronik oleh SHARP bagi Perniagaan dan Bilik Darjah yang*

*Lebih Pintar dan Saling Berhubung dalam ‘normal baharu’*

**Shah Alam, Selangor, 14 Julai 2020** - Sharp Electronics (Malaysia) Sdn Bhd (SHARP) melihat peluang besar untuk teknologi dan penyelesaiannya membantu proses pemulihan negara. Berkembang seiring dengan keperluan masa kini, SHARP bertekad untuk membantu para pengguna, dalam perniagaan, bilik darjah, dan isi rumah, dalam menyesuaikan diri dengan ‘normal baharu’ menerusi ekosistem penyelesaian, yang diperkenalkan buat pertama kali di Konvensyen Pengedar Maya SHARP baru-baru ini.

“SHARP terus menjadi pembekal penyelesaian inovatif terulung dengan legasi di Malaysia yang menjangkau tempoh 35 tahun. Kami sentiasa menghasilkan inovasi penyelesaian untuk membantu pengguna menghadapi cabaran masa kini. Beberapa bulan kebelakangan ini, seluruh dunia didorong mempertingkatkan penggunaan penyelesaian digital lebih pantas berbanding sebelumnya. Mengambil kira kepentingan komunikasi dan keselamatan pengguna dalam ‘normal baru’, pengenalan konsep ‘Remote Life’ SHARP tahun ini tepat pada masanya bagi mewujudkan pejabat dan bilik darjah lebih pintar dan saling berhubung,” jelas Pegawai Urusan Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perniagaan ASEAN dan Pengerusi Sharp Electronics (M) Sdn Bhd, Robert Wu.

Syarikat gergasi elektronik pengguna ini berkongsi rancangannya untuk memperkuatkan kedudukan jenama dan mengembangkan pasaran menerusi strategi perniagaannya yang dinamik. SHARP kekal antara jenama teratas dalam kalangan pilihan pengguna menurut kajiselidik pasaran global. Analisis tinjauan pasaran, untuk tempoh Jun 2019 hingga Mei 2020, mendapati bahawa SHARP mendominasi kedudukan nombor satu dalam segmen produk peti sejuk dan mesin basuh berbanding pesaingnya, dengan menguasai sebahagian besar pasaran, sekitar 20% di Malaysia. SHARP juga tersenarai di antara tiga jenama teratas dalam segmen produk televisyen dan penyaman udara.

Menyuntik keterujaan dalam pasaran, SHARP melancarkan konsep ‘Remote Life’ baharunya sebagai tarikan utama konvensyen maya, dengan memberi tumpuan kepada kelancaran komunikasi dan keselamatan pengguna. Konsep ini merangkumi tiga penyelesaian untuk tiga bidang utama iaitu, ‘Remote Meeting’ atau mesyuarat secara maya untuk perniagaan, ‘Remote Education System’ SHARP atau sistem pendidikan secara maya untuk bilik darjah dan ‘Remote Lifestyle’ atau gaya hidup secara maya agar pengguna atau isi rumah mampu terus berurusan dengan berkesan dan selamat dalam ‘normal baharu’ ini.

Dalam usaha menyokong pemulihian perniagaan dalam rangkaian pengedar, SHARP juga mengambil kesempatan untuk memperkenalkan platform e-dagang baharu, eSHARP, di konvensyen mayanya. Membezakan dirinya agar menerajui pasaran, SHARP mengembangkan eSHARP khususnya bagi mendorong hasil kembali kepada pengedar.

"Dalam persoalan keselamatan dan kesihatan, kami memahami para pelanggan kami inginkan saluran yang lebih baik untuk mendapatkan produk SHARP kegemaran mereka. Platform eSHARP kami mewakili konsep perniagaan runcit 'aras kedua' yang membolehkan para pelanggan membuat pembelian secara mudah. Pada masa yang sama, ia mengukuhkan kedudukan rangkaian pengedar sah kami serta menyokong perniagaan mereka. Proses pembelian pelanggan dijamin selamat tanpa ragu-ragu mengenai ketulenan produk SHARP dari pengedar sah kami. Strategi perniagaan baru ini akan membantu pengedar kami memperolehi pendapatan dalam talian dan meningkatkan interaksi bersama pelanggan," terang Wu.

Memandangkan suasana ekonomi sosial semasa, SHARP memahami para pengguna mementingkan harga yang bersesuaian dengan kemampuan di samping memperolehi penyelesaian berkualiti. Di konvensyen mayanya, gergasi penyelesaian elektronik ini telah mengumumkan rancangan untuk melancarkan rangkaian \*produk baharu termasuk rangkaian TV BIG AQUOS dan peralatan rumah pada tahun ini. Bertekad untuk memperluaskan pasarannya, SHARP juga mengumumkan kerjasama dengan BACFREE® bagi memperkenalkan produk air. Kerjasama ini akan melengkapkan Penyelesaian ‘Air of Confidence’ SHARP yang terdiri daripada rangkaian Pembersih Udara, Penyamanan Udara dan Penyejuk Udara yang dilengkapi teknologi Plasmacluster.

SHARP berhasrat untuk mengekalkan kedudukannya sebagai jenama Jepun no.1 di Malaysia. Strategi pertumbuhan masa hadapannya disokong oleh kedudukan utuhnya di pasaran dan rancangan SHARP untuk memanfaatkan jalinan usahasama atau perkongsian jenama dengan

perniagaan atau produk baru. Langkah ini akan mempelbagaikan dan memperluaskan kewujudan dan portfolio jenama SHARP dalam memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih baik.

*\*Maklumat mengenai rangkaian barang dilampirkan dalam lembaran fakta*

~ tamat ~

**Mengenai Sharp Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Ditubuhkan pada tahun 1985 dan sebelumnya dikenali sebagai Sharp Malaysia Sales & Service Company (M) Sdn Bhd, Sharp Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd. merupakan bahagian pemasaran Kumpulan Sharp di Malaysia dan bertanggungjawab untuk penjualan, pemasaran dan promosi semua barang Sharp di negara ini.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Jabatan Pemasaran Jenama**

Zoe Chow – Pengurus Kanan

**Tel:** 03-5192 5678 (samb 2272)

**Bimbit:** 012-298 4274

**Emel:** zoechow@my.sharp-world.com

**Dikeluarkan oleh :** Sharp Electronics (Malaysia) Sdn Bhd

**Menerusi :** Centrip PR Sdn. Bhd.

Jacqueline Arnold / Jeannette D'Netto

**Tel:** 03-5524 1266

**Emel:** jacq@centrpr.com / jeannette@centriqpr.com

## LEMBARAN FAKTA

### RANGKAIAN BARANGAN SHARP :

No	Penyelesaian	Keterangan
1	<p><b>'Remote Life'</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>'Remote Meeting'</b></li> <li>• <b>'Remote Education System'</b></li> <li>• <b>'Remote Lifestyle'</b></li> </ul>	<p><b><i>Komunikasi lancar dan keselamatan pengguna.</i></b></p> <p><b>'Remote Meeting' / Mesyuarat dalam maya</b>  Papan Monitor LCD Profesional <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dicipta dalam ukuran berbeza.</li> <li>• Panel LCD 4K</li> <li>• Sistem persidangan video untuk mesyuarat dalam maya.</li> </ul> </p> <p><b>'Remote Education System' / Sistem pendidikan maya</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Papan Pintar Sharp:</li> <li>• Dicipta dalam ukuran berbeza.</li> <li>• Dibina dengan pelancar interaktif untuk fungsi interaktif semua-dalam-satu.</li> <li>• Paparan Ultra-HD 4K berkualiti.</li> <li>• Sistem persidangan video untuk pembentangan maya.</li> </ul> <p>Peralatan persidangan video:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membolehkan perkongsian kandungan,</li> <li>• Dilengkapi carta flip digital untuk menghasilkan pembelajaran lebih produktif dan menarik</li> </ul> <p><b>'Remote Lifestyle' / Gaya hidup dalam maya</b>  Papan Interaktif SHARP untuk aktiviti gaya hidup seperti senaman dan memasak secara maya.</p>
2	<b>TV Big AQUOS SHARP</b>	<p><b><i>Menawarkan model berasesuaian dengan keperluan, saiz dan bajet pengguna.</i></b></p> <p>Melengkapi rangkaian SHARP AQUOS sedia ada ;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4TC80CL1X - SHARP AQUOS 4K Android 80in;</li> <li>• 4TC70BK1X - SHARP AQUOS 4K Android 70in;</li> <li>• 4TC60CK1X - SHARP AQUOS 4K Android 60in;</li> <li>• 4TC60CH1X - SHARP AQUOS 4K 60in rangkaian nilai;</li> </ul>
3	<b>Peralatan Rumah</b>	<p><b><i>Sharp mengukuhkan kedudukan pasarannya di Malaysia untuk penyelesaian peralatan rumah.</i></b></p> <p><b>'Air of Confidence' SHARP</b>  Merangkumi rangkaian produk Pembersih Udara, Penyamanan Udara dan Penyejuk Udara:</p> <p><b>Pembersih Udara Sharp dengan Teknologi Plasmacluster:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknologi pembersih udara yang terbukti menyahaktif 99% virus di udara;</li> <li>• Menapis 99% partikel udara pm2.5.</li> </ul>

	<p><b>Penyamanan Udara SHARP:</b> Teknologi ‘SHARP’ untuk kawalan aliran udara, penjimatan tenaga, Teknologi Plasmacluster dan IoT pintar.</p> <p><b>Peti Sejuk Inverter J-Tech SHARP:</b> Dua peti sejuk bersebelahan baharu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aliran Udara Pelbagai yang bertiup pada setiap rak dari pelbagai saluran memberikan penyejukan yang cekap di setiap petak.</li> <li>• Pewangi Ag + Nano terdiri daripada molekul halus berukuran nano yang mengoksida dan memecah molekul bau yang memberi aliran kepada udara tidak berbau.</li> </ul> <p><b>Mesin Basuh</b></p> <p><b>Mesin Basuh muatan hadapan Sharp:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Motor ‘inverter’ pintar mengintegrasikan sensor ruang, motor penukaran frekuensi dan cip kawalan yang menilai beban serta jenis cucian. Berkesan mengurangkan bunyi dan menjimatkan tenaga.</li> <li>• Menampilkan plat keluli tahan karat cermin 0.6mm, terbaik dalam industri.</li> <li>• Teknologi warna unik yang melindungi pakaian anda dari kepudaran</li> </ul> <p><b>Ketuhar Gelombang SHARP:</b> Akan memperkenalkan model J-Tech baharu kepada pengguna di Malaysia, mengatasi kebimbangan mengenai bil elektrik yang tinggi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Inverter J-Tech Sharp berfungsi berdasarkan pengurusan kuasa yang berterusan, untuk pengurusan haba yang lebih cekap dan tempoh memasak yang lebih pendek.</li> </ul>
--	--